

## **Pemeriksaan Tulisan Jawi Sebagai Tulisan Warisan Bangsa Malaysia Melalui Komunikasi Visual**

**Mohd Saifullah Bin Jaraih, Nor Aisyah Binti Ahmad, dan Muhammad Anas Zakwan Bin Sabri**

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Perlis, Kuala Perlis, Perlis  
mmsaifull@kuips.edu.my; noraisyahahmad@kuips.edu.my; anaszakwan@kuips.edu.my

### **ABSTRAK**

Penggunaan tulisan jawi sangat luas sebagai komunikasi bertulis di Tanah Melayu dalam urusan-urusan pentadbiran dan perundangan sejak kurun ke-14. Bahkan, penggunaan tulisan jawi memainkan peranan penting dalam bidang perkembangan ilmu dan kebudayaan bangsa Melayu. Namun demikian, pengisytiharan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1963 telah menyebabkan tulisan jawi hilang kedudukannya dalam bidang pendidikan. Bermula dengan pengisytiharan tersebut pelbagai langkah diambil bagi memperkasakan warisan khazanah bangsa Malaysia. Salah satu pemeriksaannya adalah penggunaan komunikasi visual. Komunikasi visual berperanan menyampaikan mesej kepada penonton secara gambaran dan dapat dilihat dengan mata kasar hasil gabungan prinsip dan elemen dalam seni visual. Komunikasi visual menjadi media penting penyampaian maksud kepada sesebuah mesej supaya lebih mudah difahami, ringkas, dan berkesan. Kebanyakan pereka masih menggunakan teknik tekap atau *tracing* dalam penghasilan produk komunikasi visual yang berasaskan tulisan jawi walaupun teknik ini mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan malah menjadi salah satu sebab rekaan visual berasaskan tulisan jawi sering menjadi kekangan kepada mereka. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti alternatif lain yang melibatkan penggunaan aplikasi berkaitan, serta dapat digunakan dalam penghasilan produk visual berasaskan tulisan jawi supaya lebih efektif serta menjimatkan masa, sekali gus memelihara tulisan jawi sebagai tulisan warisan bangsa Malaysia. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan mendapatkan pandangan daripada 75 orang responden yang terdiri daripada pereka dalam bidang komunikasi visual. Dapatan kajian ini telah menemukan kaedah seni reka tulisan jawi yang lebih pantas hasil integrasi beberapa aplikasi berkaitan dan dapat digunakan sebagai pendekatan komunikasi visual berasaskan tulisan tersebut seterusnya menggalakkan golongan pereka agar lebih selesa dengan produk visual berasaskan tulisan jawi.

**Kata kunci:** Tulisan jawi, pemeriksaan, komunikasi visual

### **PENDAHULUAN**

Tulisan jawi merupakan salah satu sistem tulisan awal yang pernah dijumpai dan digunakan sebagai medium komunikasi bagi masyarakat Melayu sehingga menjadi salah satu sebab pembinaan ketamadunan Melayu itu sendiri. Banyak bukti-bukti yang telah menjadi bahan sejarah menguatkan lagi teori ini misalnya Batu Bersurat Terengganu dengan tarikh 702 Hijrah atau bersamaan juga dengan 1303 Masihi. Tulisan rumi yang begitu meluas digunakan sehingga hari ini pula ditemui seawal kurun ke 19.

Secara perbandingan, hal ini menunjukkan tulisan jawi adalah lebih awal menjadi sistem komunikasi yang sampai ke negara ini berbanding tulisan tersebut. Tulisan jawi kini lebih banyak digunakan dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu misalnya Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan negeri-negeri lain di Malaysia.


Tulisan jawi pada era terdahulu sememangnya gemilang dan menjadi komunikasi bertulis utama bagi bahasa dan bangsa Melayu sehingga digunakan secara meluas daripada peringkat istana, keagamaan, malah kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, pada masa kini penggunaan tulisan jawi bukan sahaja berkurang dan dipandang sepi malah usaha pemeraksaannya juga bertambah sukar kerana penggunaan tulisan rumi yang begitu luas.

Pendekatan komunikasi visual sebagai salah satu instrument dalam kajian ini membawa definisi bahawa komunikasi ini menggunakan penglihatan sebagai medium perantara manakala visual pula membawa maksud sesuatu yang dapat dilihat atau dapat dilihat dengan mata. Dalam terma lain, komunikasi visual juga adalah diketahui sebagai language of gesture atau bahasa isyarat dengan menggunakan kombinasi seni, simbol, gambar, rekaan grafik, ilustrasi dan warna yang harus terlibat sebagai sebuah proses komunikasi. Komunikasi visual juga adalah sebuah bidang yang menggunakan kaedah penyampaian mesej dan maklumat dengan medium imej atau visual secara jelas dan hanya boleh dilihat dengan mata kasar. Selain itu, komunikasi visual juga merupakan media penghubung yang menggunakan unsur rupa dan visual dalam pelbagai cabang media lain di antaranya grafik, papan iklan, televisyen, video, internet dan sebagainya dengan matlamat menarik perhatian dan menangkap mata penonton (Komunikasi Praktis, 2018).

## **PENYATAAN MASALAH**

Situasi semasa tulisan jawi sebagai tulisan komunikasi kian terpinggir dan dilupakan apatah lagi bagi generasi baharu dan bertambah sepi dengan penggunaan tulisan rumi yang kurang mengambil tempat dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan laporan sebuah akhbar Sinar Harian pada 6 September 2020 bahawa status tulisan jawi dalam kalangan masyarakat pada hari ini seolah-olah terabai dan hanya digunakan di beberapa buah negeri dan pihak berkuasa tempatan sahaja. Akhbar tersebut turut melaporkan penggunaan tulisan jawi sewajarnya dihidupkan semula dan tidak boleh dianggap sebagai usaha mengislamkan orang bukan Islam di mana pernah menjadi sebab protes bukan Melayu terhadap tulisan ini. Selain itu, pendedahan tulisan jawi kepada generasi terkini juga menjadi sebab tulisan ini kurang mendapat tempat di hati masyarakat dan tidak dipraktikkan dalam keluarga (Bukhari Malek, 2017). Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah juga telah menzahirkan perasaan dukacita dengan sikap masyarakat Melayu dewasa kini yang tidak berjaya mempertahankan tulisan jawi sebagai warisan bangsa menerusi laporan Nazura Ngah dalam portal Berita Harian pada 1 Mac 2016. Baginda juga turut bertitah bahawa huruf dan tulisan jawi adalah berpunca daripada huruf yang terdapat dalam kitab Al-Quran dan sudah lama menjadi budaya dan identiti bahasa Melayu. Menurut baginda lagi, adalah sesuatu yang menyedihkan apabila huruf dan tulisan jawi seumpama terkubur apabila pada masa yang sama penerbitan akhbar Utusan Melayu yang mempunyai penerbitan khas jawi juga terpaksa dihentikan bukan semasa era penjajahan sebaliknya semasa negara telah merdeka sedangkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan malah kuasa politik juga milik orang Melayu selain ramai anak Melayu yang menjadi ketua kepada pelbagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan memperlihatkan keuntungan besar daripada perspektif kewangan. Dalam konteks komunikasi visual pula, tinjauan yang telah dijalankan juga mendapati terdapat beberapa punca yang menyebabkan tulisan ini jarang diketengahkan oleh golongan pereka. Hal ini terbukti dengan beberapa persoalan yang telah diajukan seperti sebab-sebab tulisan jawi jarang digunakan, soalan ini membawa kepada 49.3% responden menjawab "tulisan jawi tidak didedahkan secara meluas". Seramai 80% responden juga telah memilih tulisan jawi sebagai sangat penting bagi soalan kepentingan tulisan ini kepada masyarakat Malaysia. Kekerapan golongan pereka melihat tulisan jawi digunakan juga menunjukkan maklum balas menyedihkan iaitu 40% responden menjawab hanya dapat melihat tulisan ini setahun sekali pada mana-mana produk komunikasi visual. Golongan responden juga bersetuju sekiranya poster atau paparan iklan bertulisan jawi disebarkan menerusi media sosial apabila sebanyak 92% telah menjawab ya bagi soalan ini dengan penggunaan Instagram menjadi pilihan iaitu 48.6% telah memilih platform ini bagi tujuan tersebut. Responden juga telah menjawab menaip

terus dalam aplikasi rekaan sebagai pilihan terbanyak apabila menunjukkan 53.4% kepada soalan teknik atau kaedah yang digunakan dalam rekaan tulisan jawi dan 38.7% responden tidak pasti sekiranya mereka selalu bertukar-tukar jenis tulisan jawi dalam aplikasi rekaan. Bagi soalan terakhir yang ditanya iaitu keinginan atau minat pereka sekiranya terdapat sebarang integrasi aplikasi yang dapat digunakan dalam rekaan tulisan jawi telah menunjukkan hampir semua responden berminat untuk mengetahui perkara tersebut sehingga membawa kepada 92% berminat untuk mengambil tahu perkara tersebut. Penggunaan tulisan jawi juga memberi pengalaman agak rumit kepada golongan pereka kerana memerlukan tetapan tertentu bagi tujuan penggunaannya. Hal ini dapat dirujuk menerusi sebuah hantaran oleh Hasni Wahidah Zaid pada laman Facebook kumpulan pereka yang popular di Malaysia iaitu Graphic Designer Malaysia.



**Rajah 1.** Huruf jawi tidak bersambung pada perisian Adobe Photoshop.

Sumber:

<https://www.facebook.com/photo?fbid=5503338139700457&set=gm.5306395436051854&id=orvanity=271925169498931>.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang telah disuarakan di atas, maka kajian ini adalah sebagai sebuah usaha bagi mencapai dua perkara iaitu, iaitu:

- Mengenalpasti punca-punca pendekatan komunikasi visual dengan tulisan jawi jarang digunakan oleh golongan pereka.
- Mencadangkan pendekatan komunikasi visual sebagai salah satu usaha pemerkesaan tulisan jawi.

## KAJIAN LEPAS

Pemerkesaan tulisan jawi bukan perkara baharu dalam negara sebaliknya banyak pihak telah cuba mempromosikan tulisan ini semula namun masih terdapat kes tertentu yang memperlihatkan kepada kita bahawa kempen promosi ini masih perlu dibantu sekali gus pemerkesaannya terus berjalan. Sebagai contoh, hantaran yang pernah tular di media sosial seperti berikut:



**Rajah 2.** Papan tanda Jalan Dana Permai, 43500 Semenyih yang tidak bersambung.  
Sumber: <https://selangorkini.my/2022/01/papan-tanda-salah-ejaan-jawi-di-semenyih-diganti/>.

Papan tanda di atas pernah tular terutamanya dalam kalangan masyarakat setempat kerana tulisan jawi yang digunakan tidak bersambung sebagaimana lazimnya ejaan tulisan ini dibuat. Sebaliknya, tulisan tersebut hanya mempamerkan huruf-huruf jawi. Selepas mendapat kritikan daripada pelbagai pihak, pihak berkuasa telah mengganti papan tanda tersebut dengan tulisan jawi yang tepat. Hal ini wajar menjadi pengajaran kepada kita bahawa tulisan jawi masih penting untuk diperkasakan semula agar tidak berulang lagi pada masa depan.



**Rajah 3.** Papan tanda tulisan jawi sebuah firma rerniagaan yang tidak bersambung.  
Sumber: <https://www.facebook.com/photo/?fbid=560473406168983&set=a.540868061462851>.

Dalam satu lagi contoh lain, tulisan jawi tidak bersambung juga telah berlaku sebagaimana hantaran yang dibuat oleh seorang pengguna media sosial seperti di atas. Dalam hantaran tersebut, jelas menunjukkan kepada kita bahawa setiap perkataan dalam papan tanda firma perniagaan berkenaan masih tidak bersambung sebaliknya disusun dengan sistem ejaan rumi dan sudah tentu tidak terpakai bagi penggunaan sistem tulisann jawi yang dieja dari kanan ke kiri. Setelah diamati, setiap huruf tersebut sebenarnya adalah sebuah potongan ayat yang dapat


dibaca sebagai “Penjual Makanan Sejuk Beku” tetapi harus dilihat dan dieja sendiri dari kiri ke kanan.



**Rajah 4.** Susunan perkataan dalam tulisan jawi disusun dari kiri ke kanan.

Sumber: <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2015/09/83627/papan-tanda-ada-tulisan-rumi-jawi-perlu-kelulusan-pbt-exco-melaka>.

Sebuah lagi kes tidak ketinggalan menjadi tular dalam kalangan masyarakat iaitu paparan tulisan jawi pada papan tanda Taman Intekma dan Taman Lendu Ilmu yang tidak disusun dengan tepat sebaliknya disusun dari kiri ke kanan. Susunan ini menyalahi sistem susunan tulisan jawi sebagaimana yang diketahui umum. Setelah mendapat kritikan masyarakat akhirnya papan tanda ini telah diganti oleh pihak yang berkenaan.



**Rajah 5.** Hantaran individu bernama Fizo Omar di media sosial.

Sumber: <https://www.facebook.com/fizoomar/photos/a.121141320826/10155722098970827/>.

Salah seorang pelakon bernama Fizo Omar juga pernah berkongsi hantaran sebagaimana gambar di atas dengan deskripsi hantaran berbunyi:

*BILA NENEK SURUH PERGI KEDAI...*

*Okay, korang baca tak? Kalau boleh, cuba korang list kat bawah ni. Tak ramai yang Boleh baca jawi sekarang kan?*

*#fizoomar"*

Hantaran di atas telah menarik perhatian pengguna media sosial dengan mendapat 1200 tanda suka selain pelbagai komen memandangkan beliau memiliki populariti sebagai pelakon. Kebanyakan komen memberi reaksi positif tetapi ada juga yang berpendapat bahawa tulisan tersebut adalah dalam keadaan tergesa-gesa. Hal ini menunjukkan masyarakat kita sebenarnya masih peka dengan sistem tulisan jawi tetapi ruang untuk penggunaannya agak terhad. Dalam konteks hantaran ini sendiri, Fizo Omar telah memberi gambaran bahawa hanya golongan nenek yang masih menggunakan tulisan jawi. Hal ini menjentik sedikit hati kita bahawa generasi terdahulu lebih menghargai jawi berbanding kita seterusnya membawa kepada sokongan bahawa tulisan jawi harus diperkasakan lagi terutama kepada generasi Baharu

## بوکن ملايو ترتراریق سنی تولیسن جاوی

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                  |                                                                                                  |                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>دي مينت توليسن<br/>جاوي يڠ داغڠك اوڤيك<br/>دان قرنه مييمش حسرت<br/>اوتوق مغواساي توليسن<br/>ترسبوت تنافي تيدق<br/>كسمشايين كران تيدق<br/>تاھو دمان هسندق<br/>ممڠلاجرين.<br/>"ساي مراسكن فروكرم<br/>اين ساتو اوسھا بايق<br/>باقي مغواساي توليسن<br/>جاوي دان ساي اكن مېرتايڠ لاتي قد ماس اكن دانق."<br/>اوجرن.<br/>لاين فولا چريتان باقي چيو كوك لون، 61، يڠ ايڠين<br/>مغيبي ماس توان دغن مڠلاجري كمبالي توليسن جاوي<br/>يڠ سوده دلوقاكنش.<br/>تميهڠ، دي ايڠين مڠاجق راكنش مېرتايڠ كلس<br/>توليسن جاوي باقي منمبه علمو فقتاھوان.</p> | <br>چيو كوك لين | <br>ليو سيو سيم | <br>ايرينا لو | <p>اوليه محمد فيزل هاشيم</p> <p>كوالا لمقور - تڠڠن توليسن جاوي ھان برتوجوان<br/>منمبھا علمو قنديبين اقام اسلام منجادي قبيب<br/>مڠاقا كولوغن بوکن اسلام تيدق تريوك اوتوق<br/>ممڠلاجرين.<br/>اينيله قنداقت يڠ دسواراكن ببراف اورغ قسرتا بوکن<br/>اسلام يڠ مېرتايڠ فروكرم مڠحياتي قنوليسن جاوي<br/>انجون جابتن واريڠن نڠارا دكلب سلطان سليمان، كامڠوغ<br/>بارو، دسيني، بارو؟ اين.<br/>ايرينا لو، 39، ساورغ قمنديو قنچوڠ مېديري توليسن<br/>جاوي ساتو بنتوق قنوليسن واريڠن ملايو كتيك مڠيريقي<br/>قنچوڠ عرب ملاوت اييو كوتا.<br/>"ساي منمباقتي توليسن جاوي ساكن اكن<br/>توليسن چينا كران قرولو مهمي حروف، سيوتن<br/>دان ايچان تنافي لبيبه موده اوتوق مغواسايڠ."<br/>كاتان.<br/>ايرينا ممبريتاھو، فوڠسي توليسن جاوي قرولو</p> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

**Rajah 6.** Tangkap layar laporan akhbar yang bertajuk "Bukan Melayu Tertarik Seni Tulisan Jawi".  
Sumber: <https://www.facebook.com/photo/?fbid=10207208744536556&set=a.1494100212092>.

Tangkap layar laporan berita di atas dengan tajuk "Bukan Melayu Tertarik dengan Seni Tulisan Jawi" juga boleh menjadi sebab pemeraksanaan tulisan jawi harus digiatkan lagi. Hantaran ini dibuat oleh seorang pengguna media sosial bernama Ayman Rashdan Wong yang berkongsi bahawa tulisan jawi bukan semata-mata tulisan tetapi juga adalah salah satu usaha bagi memartabatkan Bahasa Melayu. Selain memperjuangkan Bahasa Melayu, beliau turut menambah bahawa usaha bagi penggunaan semula tulisan jawi mesti dibangkitkan semula biarpun tulisan ini sudah tidak digunakan sejak 50 tahun yang lalu. Dalam kata-kata akhir hantarannya, beliau juga sempat menzahirkan rasa simpati sekiranya laporan berita di atas tidak dapat dibaca. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kepada kita bahawa tulisan jawi bukan sahaja penting kepada bangsa Melayu tetapi berdasarkan tajuk laporan berita di atas sendiri telah menunjukkan kepada kita bahawa tulisan ini juga adalah tulisan warisan bangsa Malaysia.

## KAEDAH KAJIAN

Kaedah tinjauan telah digunakan sebagai metodologi kajian yang berbentuk kuantitatif dengan mendapatkan pandangan soal selidik secara tinjauan kepada 75 orang responden yang terdiri daripada golongan pereka dalam bidang komunikasi visual. Data-data yang diperolehi daripada tinjauan ini kemudian diterjemahkan dengan format peratusan. Keputusan ujian ini akan membawa kepada kesimpulan permasalahan yang telah diajukan sebelum ini. Berikut merupakan pembahagian kelas soal selidik yang telah dijalankan:

**Jadual 1** Pembahagian Soalan dan Item-Item Dalam Kaji Selidik

| Bahagian/Soalan                                                                                            | Item-Item Soalan Dalam Kaji Selidik                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Demografi                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Umur</li> <li>▪ Pekerjaan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                        |
| Sebab-sebab tulisan jawi kurang digunakan.                                                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tulisan Jawi sukar difahami.</li> <li>▪ Tulisan Jawi tidak didedahkan secara meluas.</li> <li>▪ Tulisan Jawi kurang mendapat tempat dalam dunia komersial.</li> <li>▪ Tulisan Jawi rumit dihasilkan dalam rekaan komunikasi visual.</li> <li>▪ Sebab-sebab lain.</li> </ul> |
| Kepentingan bagi rakyat Malaysia dapat membaca dan memahami tulisan jawi.                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ya</li> <li>▪ Tidak</li> <li>▪ Tidak Pasti</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                       |
| Kekerapan anda melihat tulisan jawi digunakan dalam mana-mana produk komunikasi visual.                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Setiap hari</li> <li>▪ Seminggu sekali</li> <li>▪ Sebulan sekali</li> <li>▪ Setahun sekali</li> <li>▪ Tidak pernah</li> </ul>                                                                                                                                               |
| Adakah anda bersetuju jika poster atau paparan iklan bertulisan jawi disebarluaskan menerusi media sosial? | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ya</li> <li>▪ Tidak</li> <li>▪ Tidak pasti</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                       |
| Apakah media sosial terbaik yang dapat digunakan bagi meneruskan kempen penggunaan tulisan jawi ini?       | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Facebook</li> <li>▪ Twitter</li> <li>▪ Instagram</li> <li>▪ Tiktok</li> <li>▪ Televisyen</li> <li>▪ Semua di atas</li> </ul>                                                                                                                                                |
| Apakah teknik atau kaedah yang anda gunakan dalam rekaan tulisan jawi?                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tekap</li> <li>▪ Menaip terus dalam aplikasi rekaan</li> <li>▪ Menaip terus (ejaan manual)</li> <li>▪ Kedua-dua teknik</li> <li>▪ Salin ejaan jawi daripada laman jawi converter dan tampal</li> <li>▪ Tidak terguna pakai</li> <li>▪ Web dalam talian</li> </ul>           |
| Adakah anda gemar bertukar-tukar jenis tulisan jawi dalam aplikasi rekaan?                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ya</li> <li>▪ Tidak</li> <li>▪ Tidak Pasti</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                       |
| Apakah jenis kekangan yang anda hadapi apabila membuat rekaan yang mempunyai tulisan jawi?                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tetap terhad pada aplikasi rekaan Tidak mahir menggunakan tulisan jawi dalam rekaan</li> </ul>                                                                                                                                                                              |

|                                                                                                            |                                                                                                                             |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kedua-dua di atas</li> <li>▪ Tidak tergunapakai</li> <li>▪ Tiada kaitan</li> </ul> |
| Adakah anda berminat sekiranya terdapat integrasi aplikasi yang dapat digunakan dalam rekaan tulisan jawi? | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ya</li> <li>▪ Tidak</li> <li>▪ Tidak Pasti</li> </ul>                              |

Tinjauan ini telah dijalankan secara purata mengambil masa di antara 5 ke 10 minit bagi memberi maklum balas berkenaan tinjauan yang dibuat. Item-item yang telah dikemukakan dalam tinjauan ini juga mudah difahami dan sedikit maklum balas secara verbal malah telah diberi seperti tinjauan ini adalah satu usaha yang baik bagi mencari maklum balas terutamanya dalam kalangan pereka sendiri yang jarang menggunakan tulisan jawi sebagai sebahagian daripada proses kerja mereka.

## PERKEMBANGAN IDEA

Idea dan konsep dikembangkan hasil dapatan yang telah diperolehi dalam proses tinjauan yang telah dibuat sebelum ini. Pengkaji telah mengembangkan hasil produk komunikasi visual berdasarkan carta alir kerja seperti berikut:



**Rajah 7.** Kerangka Model Perkembangan Idea bagi Proses Rekaan Poster Komunikasi Visual dengan Tulisan Jawi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian diperolehi melalui tinjauan secara dalam talian ke atas kumpulan responden yang telah disasarkan. Dapatan ini juga dibentangkan dalam format graf bagi memberi gambaran visual yang lebih mudah untuk dilihat dan berkesan. Seterusnya, data-data dan maklumat yang diperolehi juga telah dirumuskan bagi mencapai tujuan yang telah ditetapkan dalam objektif kajian ini. Seramai 75 orang responden telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini dan persembahan graf adalah seperti berikut:


## ANALISIS

Soalan 1:

Berapakah umur anda?

*[What is your age?]*

75 responses



Soalan 2:

Apakah pekerjaan anda?

*[What is your occupation?]*

73 responses



### Soalan 3:

Mengapakah tulisan jawi jarang digunakan? [Why does jawi writing is rarely used / practiced?]


75 responses



### Soalan 4:

Adakah penting bagi rakyat Malaysia dapat membaca dan memahami tulisan Jawi? [Is it important for Malaysian to be able to read and understand Jawi writing?]


75 responses



### Soalan 5:

Seberapa kerap anda dapat melihat tulisan Jawi digunakan dalam mana-mana produk komunikasi visual? [How often can you see Jawi writing being used in any visual communication product?]


75 responses



### Soalan 6:

Adakah anda bersetuju jika poster atau paparan iklan bertulisan jawi disebarluaskan menerusi media sosial? [Do you agree if a poster or display of ...n in Jawi is distributed through social media?]


75 responses



### Soalan 7:

Apakah media sosial terbaik yang dapat digunakan bagi meneruskan kempen penggunaan tulisan jawi ini? [What is the best social media that can be used to continue this Jawi writing campaign?]


74 responses



### Soalan 10:

Apakah teknik atau kaedah yang anda gunakan dalam rekaan tulisan jawi? [What techniques or methods do you use in designing Jawi writing?]


73 responses



Soalan 11:

Adakah anda gemar bertukar-tukar jenis tulisan jawi dalam aplikasi rekaan? [Do you like to exchange the Jawi writing types in the graphic design software?]


75 responses



Soalan 12:

Apakah kekangan yang anda hadapi apabila membuat rekaan yang mempunyai tulisan jawi? [What are the constraints that you face when creating a design that incorporates Jawi writing?]


74 responses



Soalan 13:

Adakah anda berminat sekiranya terdapat integrasi aplikasi yang dapat digunakan dalam rekaan tulisan jawi? [Are you interested if there is an integ...lication that can be used in Jawi writing design]

75 responses




## LAKARAN

Kajian ini mengambil beberapa contoh tulisan atau hantaran yang terdapat pada laman media sosial sebagai rujukan idea kerana hantaran serta tulisan ini telah menjadi tular dalam kalangan masyarakat dan ingin dimajukan dalam bentuk komunikasi visual. Pilihan lakaran ini seterusnya akan melalui proses rekaan bagi menghasilkan produk komunikasi visual seperti poster dan papan iklan gergasi sebagai tujuan pendedahan semula kepada masyarakat berkenaan tulisan tersebut.


## REKAAN

Rekaan poster atau produk komunikasi visual ini juga akan dicadangkan untuk dipamerkan di mana-mana platform media sosial sebagai percubaan maklum balas daripada masyarakat. Proses lakaran dan rekaan berdasarkan hantaran pilihan yang pernah tular di media sosial adalah seperti berikut. Proses ini juga melibatkan integrasi aplikasi *online* iaitu Ejawi.net Converter 2.1 sebagai platform pertukaran tulisan rumi kepada jawi dan aplikasi lain seperti Microsoft Word serta Adobe Acrobat Reader PDF untuk disimpan dalam format Portable Digital Format (PDF) bagi membolehkan tulisan ini kemudiannya digunakan semula di dalam perisian Adobe Photoshop sebagai perisian rekaan pilihan. Rekaan ini juga hanya memberi tumpuan terhadap pembinaan tulisan jawi secara digital dengan sumber-sumber visual asal yang telah dikongsi dan pernah tular sebelum ini dengan masing-masing visual tersebut telah dinyatakan pautan sumber.



**Rajah 8.** Penggunaan Aplikasi Adobe Photoshop CS6.

a) Rekaan Visual 1



**Rajah 9.** Pilihan Rekaan Visual 1.

Sumber: <https://www.facebook.com/MauKerja/photos/a.541858932551997/2055220677882474/>.

Hantaran di atas pernah dibuat oleh laman Facebook Maukerja Malaysia dengan deskripsi hantaran seperti berikut:


*“SHARE!*

*Kalau korang boleh baca ni, means korang hebat. Kalau yang tak boleh baca tu, jangan risau masih tidak terlalu lambat untuk belajar;”*

Hantaran tersebut memohon kepada pengguna media sosial supaya berkongsi karya yang sama dalam masa yang sama mengajak pengguna sama-sama membaca tulisan tersebut dan tidak terlambat sekiranya ingin mula membaca tulisan jawi. Dalam konteks kajian ini, visual tersebut telah diambil supaya olahan dapat dibuat secara digital dan dihantar semula kepada laman media sosial pilihan. Berikut merupakan petikan visual berkenaan:


*“Dahulu, akulah yang dipuja dan disanjung tinggi. Kini aku tersisih sepi seperti tidak dipedulikan. Aku adalah tulisan yang sudah tiada nilainya lagi. Hanya menunggu untuk mati dibunuh oleh bangsaku sendiri.”*

Teks rumi ini kemudian akan ditukar kepada tulisan jawi menerusi portal Ejawi.net Converter 2.1.




Rajah 10. Teks tulisan rumi ditukar kepada tulisan jawi melalui portal Ejawi.net.

Hasil tukar tulisan melalui portal berkenaan seterusnya akan disalin dalam perisian Microsoft Word dengan *font* tulisan jawi. Tulisan jawi yang telah disalin melalui Microsoft Word akan disimpan dalam format PDF bagi membolehkan integrasi aplikasi di antara Adobe Acrobat Reader PDF dan Adobe Photoshop pula dapat dilakukan.




Rajah 11. Teks jawi disalin ke dalam perisian Microsoft Word.




**Rajah 12.** Teks jawi boleh disimpan dalam format PDF.


Setelah tulisan ini disimpan dalam format PDF, tulisan tersebut boleh terus dibuka melalui perisian Adobe Photoshop untuk proses suntingan seterusnya.



**Rajah 13.** Pilihan *New* atau *Open* (bagi membuka tulisan jawi yang telah disimpan dalam format PDF) sebelum proses rekaan seterusnya dapat diteruskan.




Rajah 14. Pilihan saiz A3 bagi memulakan proses rekaan poster.




Rajah 15. *Artboard* kosong sebagai ruang rekaan poster.


Selain tulisan, latar belakang rekaan ini juga ditambah dengan gambar atau ilustrasi tekstur menerusi penyedia laman web dalam talian *Freepik* sebagaimana gambar atau ilustrasi pilihan.




Rajah 16. Sumber ilustrasi pilihan.




Rajah 17. Latar belakang daripada sumber ilustrasi pilihan.




Rajah 18. Pilihan *Open* bagi membuka tulisan jawi yang telah disimpan dalam format PDF sebelum proses rekaan seterusnya dapat dijalankan.



Rajah 19. Pilihan *Import PDF* bagi membuka file tulisan jawi format PDF berkenaan.




**Rajah 20.** Tulisan jawi yang telah berada dalam perisian Adobe Photoshop boleh dibawa masuk terus bersama fail rekaan yang telah ditetapkan.




**Rajah 21.** Tulisan jawi dalam satu fail yang sama dengan visual latar yang digunakan.

Dalam peringkat ini, pelbagai suntingan lain juga dapat dilakukan bagi memberi kesan tambahan kepada tulisan berkenaan. Sebagai contoh, tambahan kesan *stroke* bagi membolehkan tulisan berkenaan kelihatan lebih tebal dan jelas.



**Rajah 22.** Tulisan jawi dalam satu fail yang sama dengan visual latar yang digunakan.




Olahan visual yang telah siap boleh disimpan dalam format yang sama iaitu format PSD bagi tujuan rekaan semula atau PDF dan JPEG bagi tujuan paparan kepada pengguna lain dan fail yang dapat dimuatnaik dalam mana-mana media sosial pilihan.



**Rajah 23.** Tulisan jawi dalam satu fail yang sama dengan visual latar yang digunakan.

Proses yang sama juga telah dilaksanakan bagi rekaan visual 2, 3 dan 4. Walau bagaimanapun, sumber-sumber gambar atau ilustrasi yang digunakan adalah berbeza dengan tiap-tiap satu daripadanya telah dinyatakan pautan bagi visual asal berkenaan. Selain itu, proses lakaran dengan tulisan tangan masih perlu dijalankan bagi mendapat gambaran kasar berkenaan hasil visual yang ingin dibuat. Berikut ditunjukkan secara ringkas proses tersebut.

Jadual 2 Proses rekaan visual 1

| Rekaan 1                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                  |                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>Sumber:<br/> <a href="https://www.facebook.com/MauKerja/photos/a.541858932551997/2055220677882474/">https://www.facebook.com/MauKerja/photos/a.541858932551997/2055220677882474/</a></p> |  <p>Latar belakang tekstur.</p> |  |
| Gambar/Illustrasi Asal                                                                                                                                                                                                                                                        | Lakaran                                                                                                          | Rekaan/Olahan                                                                       |




Jadual 3 Proses rekaan visual 2

| Rekaan 2                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                               |                                                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>Sumber:<br/> <a href="https://www.facebook.com/photo/?fbid=2215531248550238&amp;set=a.276865049083544">https://www.facebook.com/photo/?fbid=2215531248550238&amp;set=a.276865049083544</a></p> |  <p>Latar belakang kesong/warna nipus.</p> |  |

Jadual 4 Proses rekaan visual 3


| Rekaan 3                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                   |                                                                                     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>Sumber:<br/> <a href="https://www.facebook.com/photo/?fbid=560473406168983&amp;set=a.540868061462851">https://www.facebook.com/photo/?fbid=560473406168983&amp;set=a.540868061462851</a></p> |  |  |

Jadual 4 Proses rekaan visual 4

| Rekaan 4                                                                                                                                                                                                |                                                                                     |                                                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>Sumber:<br/> <a href="https://www.instagram.com/p/CmAl1yKvyXs/">https://www.instagram.com/p/CmAl1yKvyXs/</a></p> |  |  |


## HASIL REKAAN DAN SUNTINGAN VISUAL

Jadual 5 Hasil suntingan semula tulisan jawi daripada visual berkenaan

| VISUAL 1                                                                                                                                                                                                                                                                                | VISUAL 2                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>دهولو، اكله يڠ دقوجا دان<br/>دسانجوع تيهكي. كيني اكو<br/>ترسيسيه سقرتي تيدق دقولي.<br/>اكو اداله توليسن يڠ سوده تيا<br/>نيلايڠ لائي. هان منوعكو<br/>اونتوق ماتي دبونوه اوليه<br/>بغساكو سنديري</p> |  <p>قنداي كاو<br/>مماچ جاوي؟<br/>#جاغن باچ كالو تيدق<br/>قنداي</p>                                                                                                                     |
| VISUAL 3                                                                                                                                                                                                                                                                                | VISUAL 4                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|                                                                                                                                                                                                      |  <p>سيلا كئل قستي جنيس بويا<br/>سبلوم مميتا بنتوان درقد<br/>فيهق بومبا<br/>SILA KENAL PASTI JENIS<br/>BUAYA SEBELUM MEMINTA<br/>BATUAN DARI PAKA BOMBA<br/>BUAYA<br/>BUAYA DARAT</p> |

## IMPLEMENTASI

Berdasarkan tinjauan yang telah dijalankan sebelum ini, hasil olahan visual ini telah dikongsi menerusi dua laman pilihan tertinggi responden iaitu Instagram dan Facebook seperti berikut:



**Rajah 23.** Laman khas Instagram @perkasakanjawi yang telah diwujudkan sebagai platform hasil rekaan visual dipaparkan.




**Rajah 24.** Empat rekaan olahan visual yang telah dihasilkan dihantar pada laman Instagram @perkasankanjawi


Laman Facebook juga telah dibina sebagai pilihan lain hasil rekaan visual dikongsikan seperti berikut:




**Rajah 25.** Laman Facebook Tulisan Jawi Tulisan Bangsa Malaysia yang telah diwujudkan sebagai platform pilihan perkongsian rekaan visual.




Rajah 26. Hantaran visual 1 pada laman berkenaan.



Rajah 27. Hantaran visual 2 pada laman berkenaan.



Rajah 28. Hantaran visual 3 pada laman berkenaan.



Rajah 29. Hantaran visual 4 pada laman berkenaan.

## KESIMPULAN

Pemeraksanaan sistem tulisan jawi secara asasnya masih perlu diteruskan atas sebab-sebab yang telah dikemukakan, malah tinjauan kajian ini juga menunjukkan 80% daripada responden bersetuju bahawa rakyat Malaysia seharusnya dapat membaca dan memahami tulisan jawi. Komunikasi visual dilihat dapat membantu usaha ini kerana visual adalah sesuatu yang dekat di mata masyarakat di atas fungsinya sebagai media komunikasi secara visual. Adalah diharapkan

pendekatan ini dapat memberi kesedaran kepentingan tulisan jawi dengan lebih luas kepada masyarakat Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Razak, F., Abu Bakar, A., Omar, R. (2022). *CABARAN TULISAN JAWI DALAM REVOLUSI INDUSTRI 4.0*.  
[https://www.researchgate.net/publication/365489181\\_Prosiding\\_Kolokium\\_STREM\\_PdPc\\_Tahun\\_2022\\_ISSNE\\_XXXXXXXXXXXXXXXXX\\_CABARAN\\_TULISAN\\_JAWI\\_DALAM\\_REVOLUSI\\_INDUSTRI\\_40\\_Fuadi\\_bin\\_Abdul\\_Razak\\_1](https://www.researchgate.net/publication/365489181_Prosiding_Kolokium_STREM_PdPc_Tahun_2022_ISSNE_XXXXXXXXXXXXXXXXX_CABARAN_TULISAN_JAWI_DALAM_REVOLUSI_INDUSTRI_40_Fuadi_bin_Abdul_Razak_1).
- Komunikasipraktis (2018). *Komunikasi Visual: Pengertian, Prinsip, dan Contoh*.  
<https://www.komunikasipraktis.com/2018/09/komunikasi-visual-pengertian-prinsip-contoh.html>.
- Malek, B. (2017). *Tulisan Jawi Semakin Dilupakan Bangsa Sendiri*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/99848/pupuk-kesedaran-tulisan-jawi>.
- Abu Bakar, Z.R. (2020). *Pupuk kesedaran tulisan jawi*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/99848/pupuk-kesedaran-tulisanjawi>.
- Ngah, N. (2016). *Sultan Nazrin dukacita tulisan Jawi gagal dipertahankan*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/03/129558/sultan-nazrin-dukacita-tulisan-jawi-gagal-dipertahankan>.
- Ishak, A.R. (2022). *Papan tanda salah ejaan jawi di Semenyih diganti*.  
<https://selangorkini.my/2022/01/papan-tanda-salah-ejaan-jawi-di-semenyihdiganti/>.
- Zakinan, N.F. (2015). *Papan tanda ada tulisan rumi, jawi perlu kelulusan PBT - EXCO Melaka*.  
<https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2015/09/83627/papan-tanda-ada-tulisan-rumi-jawiperlu-kelulusan-pbt-exco-melaka>.